

**Jalur Gemilang: Pemuda PAS Tegur Majlis Presiden Pakatan Rakyat
mStar Online
September 19, 2011
Oleh ARIFFUDDIN ISHAK**

PETALING JAYA: Majlis Presiden Pakatan Rakyat ditegur kerana tidak prihatin terhadap pandangan pimpinan dan wakil rakyat mereka berhubung sesuatu isu hingga boleh merosakkan imej dan reputasi pakatan pembangkang.

Naib Ketua Dewan Pemuda PAS Pusat, Raja Ahmad Al-Hiss berkata, Majlis Pimpinan Pakatan Rakyat perlu lebih tegas dan berhati-hati dalam mengeluarkan pandangan dan keputusan terutama berkaitan soal dasar dan hala tuju.

"Kami melihat Majlis Presiden kurang memberi keprihatinan terhadap ucapan dan pandangan pimpinan serta wakil rakyat Pakatan Rakyat supaya selari dengan dasar pembangkang sendiri dan parti masing-masing," katanya menerusi satu kenyataan di sini, Isnin.

Beliau berkata demikian bagi merujuk kepada kontroversi yang dicituskan Ahli Dewan Undangan Negeri (Adun) Kota Alam Shah, M. Manoharan yang mencadangkan agar Jalur Gemilang digantikan dengan bendera lain sekiranya PR berkuasa selepas pilihan raya umum akan datang.

Pada Jumaat lalu, Manoharan dalam akaun Facebook miliknya menyatakan hasrat demikian sambil menolak untuk mengibarkan Jalur Gemilang dalam kawasannya kerana mendakwa bendera itu kelihatan seperti Barisan Nasional berbanding Malaysia.

Beliau bagaimanapun dengan segera memohon maaf kepada seluruh rakyat Malaysia ekoran komentarnya itu. Mengulas lanjut, Raja Ahmad berkata, kenyataan Adun DAP itu adalah keterlaluan dan boleh dianggap sebagai mahu mencemar kedaulatan negara.

"Bagi kami tulisan tersebut keterlaluan dan tidak pernah sekali-kali dibincang mahupun terlintas difikiran Pakatan Rakyat untuk dilakukan.

"Malah kami akan terus mempertahankan nilai dan ciri jati diri negara seperti yang terdapat dalam jalur gemilang sedia ada," katanya.

Sambil menyifatkan pandangan Manoharan itu sebagai 'khayalan peribadi', Raja Ahmad turut mengingatkan agar pimpinan Pakatan Rakyat di semua peringkat tidak ghairah mengeluarkan kenyataan yang merugikan masa depan mereka dan juga parti.

"Kami menganggap tulisan tersebut adalah imaginasi dan khayalan Manoharan sendiri dan terlanjur dalam kenyataannya. Namun imaginasi seperti itu tidak boleh dibiarkan tanpa sebarang peringatan dan tindakan.

"Kami juga ingin mengingatkan parti-parti dalam Pakatan Rakyat agar tidak ghairah mengeluar kenyataan yang mewakili Pakatan Rakyat tanpa merujuk kepada Majlis Presiden terlebih dahulu," tegasnya.

Source:

http://mstar.com.my/berita/cerita.asp?file=/2011/9/19/mstar_berita/20110919162924&sec=mstar_berita